

**PEMBERITAHUAN PERTANYAAN DEWAN RAKYAT**

**PERTANYAAN : BUKAN LISAN**

**DARIPADA : YB DATUK DR. MAKIN @ MARCUS  
MOJIGOH [ PUTATAN ]**

**SOALAN :**

**YB DATUK DR. MAKIN @ MARCUS MOJIGOH [ PUTATAN ]** minta **PERDANA MENTERI** menyatakan sama ada pihak Kerajaan bercadang untuk menyediakan ruang pejabat, kakitangan, pegawai penyidik dan kenderaan bagi memudahkan Ahli Parlimen menjalankan tugas mereka sebagai wakil rakyat.

**JAWAPAN: YB DATO' SERI DR. SHAHIDAN BIN KASSIM,  
MENTERI DI JABATAN PERDANA MENTERI**

Tuan Yang di-Pertua,

Untuk makluman Ahli Yang Berhormat, Kerajaan akan menyediakan ruang pejabat bagi kegunaan Ahli Yang Berhormat di Blok Ahli Parlimen (Fasa 3A) yang dijangka akan siap pada tahun 2017. Parlimen Malaysia juga telah menyediakan seramai 14 orang Pegawai Penyelidik secara guna sama yang sentiasa bersedia untuk membantu Ahli-ahli Yang Berhormat dalam kajian berhubung sesuatu isu yang ingin diketengahkan.

Sebagai Kerajaan yang prihatin, Kerajaan juga telah menyediakan kemudahan pinjaman kereta sehingga maksimum RM100,000.00 kepada Ahli Parlimen dalam tempoh empat (4) tahun sekali.

Sekian. Terima kasih.